

FPP BizNewz

January - May 2025

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

DIGITAL MARKETING
in a digital age

BRAIN DRAIN

A Point of View in Malaysia

**MENTAL
HEALTH**

Bagaimanakah Penularan

**PLANKTON
MERBAHAYA**

*Memberi Kesan kepada
Usahawan Pesisiran Pantai*

BUBU NAGA
LULUT
LUNING



**PERANAN
MAJIKAN
DALAM
MENANGANI
TEKANAN KERJA
PEKERJA**

BUBU NAGA

Sekat Rezeki Nelayan Tradisional

HUTANG
Kawan atau Lawan?

Unik tapi Benar
KANTUNG MADU KELULUT BERBEZA


**MOTIVATING
MINDS**

*How Lecturers Can Use Positive
Reinforcement to Boost*

RINTANGAN INSULIN

Punca, Risiko dan Hubungannya dengan Diabetes

eISSN 2600-9811



9 772600 981003

Publication Date

1 June 2025

MENITI IMPIAN DEMI MERAIH MASA DEPAN YANG CERAH



Di sebuah perkampungan kecil, terdapat seorang gadis bernama Maisara yang berasal daripada keluarga serba kekurangan. Ayahnya telah lama meninggal dunia akibat serangan penyakit asma semasa dia berumur 10 tahun lagi. Maisara merupakan anak sulung yang terdiri daripada tiga orang adik beradik. Ibu Maisara hanya bekerja sebagai seorang petani yang menanam sayur-sayuran dikampungnya. Memandangkan Maisara anak sulung dan adik-adiknya yang masih kecil, dia banyak membantu ibunya pada waktu petang setelah pulang dari sekolah.

Sejak pemergian arwah ayahnya, Maisara benar-benar merasai betapa sukarnya kehidupan tanpa kehadiran seorang bapa. Dia hanya bergantung hidup kepada ibunya yang tidak mempunyai pendapatan tetap atau lebihan setiap bulan. Pendapatan yang diperolehi hanya cukup untuk makan dan minum buat mereka anak beranak. Kadang-kadang Maisara pergi ke sekolah tanpa membawa duit ataupun bekal disebabkan masalah kewangan yang dialami keluarga tersebut. Situasi ini membuatkan Maisara sedar bahawa tiada lagi cara lain yang dapat merubah kehidupan mereka sekeluarga untuk menikmati kehidupan yang lebih baik di masa akan datang. Pendidikan adalah satu-satunya jalan untuk mengubah nasib keluarganya. Bermula hari itu, Maisara bertekad untuk belajar dengan rajin dan bersungguh-sungguh walaupun terpaksa mengulangkaji pelajaran di bawah cahaya lampu pelita kerana rumah mereka tidak mempunyai elektrik pada masa itu. Disebabkan masalah kewangan yang kitan meruncing, ibunya tidak mampu menjelaskan bil elektrik. Maka, mereka hidup bercahayakan pelita setiap hari. Namun, keadaan ini tidak menjadi penghalang kepada Maisara untuk terus berusaha belajar sehingga dia meraih kejayaan.



Maisara berazam untuk memperoleh keputusan cemerlang dalam SPM agar dapat melanjutkan pelajaran ke universiti. Apabila keputusan SPM diumumkan, dia berjaya meraih pencapaian yang cemerlang. Dengan semangat dan dorongan guru serta keluarga, akhirnya Maisara berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti. Hatinya gembira tidak terkata disamping dia bersyukur ke hadrat Illahi kerana impiannya untuk masuk universiti tercapai. Namun, cabaran belum berakhir, Maisara yang sebelum ni tidak pernah berpisah dengan ibu dan adik-adiknya terpaksa meninggalkan mereka jauh diperantauan orang untuk menyambung pelajaran. Walaupun berasa amat berat dan sedih untuk berjauhan daripada keluarga tetapi, Maisara tetap kuatkan semangat dan cekalkan hati untuk mencari sebuah kejayaan demi merubah masa depan yang lebih baik untuk mereka sekeluarga.

Di universiti, Maisara tidak pernah leka. Dia sentiasa belajar dengan bersungguh sungguh agar mendapat keputusan yang baik di setiap semester. Dia sentiasa berdoa ke hadrat Illahi agar dipermudahkan segala urusan belajar dan berjaya menamatkan pengajiannya dengan cemerlang. Akhirnya, Maisara dapat menghabiskan pelajaran di universiti. Segala pengorbanan dan keperitan hidup yang dilaluinya selama ini akhirnya terbalas apabila dia berjaya memperoleh pekerjaan yang baik di sebuah syarikat besar, dengan tawaran gaji yang lumayan daripada majikannya. Melalui pendapatan tersebut, dia mampu membantu keluarganya keluar daripada belunggu kemiskinan.

Maisara merupakan salah seorang pekerja yang rajin bekerja dan dia juga disayangi serta disenangi oleh majikan dan juga rakan-rakan di syarikat yang dia bekerja. Maisara merupakan seorang gadis yang cantik, manis, lemah lembut, peramah, baik hati, dan sopan santun membuatkan orang suka berkawan dengan dia. Kini, Maisara menjadi inspirasi kepada ramai orang, terutama mereka yang datang dari latar belakang yang keluarga yang sama iaitu miskin dan susah. Kejayaan yang dikecapinya hari ini adalah berkat daripada usaha dan kesungguhan dia. Maisara dapat membuktikan bahawa kemiskinan bukan penghalang untuk mencapai sebuah kejayaan. Dengan usaha, kesungguhan, dan doa, segala impian mampu direalisasikan. Perjalanannya penuh ranjau dan duri tetap di redah demi sebuah kejayaan yang hanya mampu dimiliki berkat dari usaha yang gigih dan kesabaran yang tinggi. Sekarang ini Maisara dapat menarik nafas nafas lega dan berkata kepada dirinya sendiri, "Tiada kejayaan tanpa usaha. Tiada impian yang mustahil selagi kita berusaha dengan sabar dan tekun."

Rujukan

Ananda Pertiwi Pratidina. (2021). Mengejar Masa Depan di Balik Nama dan Impian.
 Faroh, W. N., Yuliati, D. M., & Pamungkas, I. B. (2019). Meraih Masa Depan dengan Meningkatkan Motivasi dalam Hal Manajemen Waktu di Rumah Amalia.
 Jamil Azzaini. (2008). Menyemai Impian Meraih Sukses Mulia: Kisah-Kisah Inspiratif Pembangkit Motivasi & Pemakna Hidup.
 Kelara Enarwati. (2023). Meniti Impian dan Harapan: Antologi Puisi Anak.



BizNewz 2025
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com